



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

SEMPENA

MAJLIS PELUNCURAN LALUAN SHAH ALAM

28 JUN 2026 (AHAD)

10.00 pagi

Terima Kasih kepada pengacara majlis,

[Salutasi]

- **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim**
Perdana Menteri Malaysia
- **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari**
Menteri Besar Selangor
- **Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu**
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- **Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Nasir Ahmad**
Pengerusi, Kumpulan Prasarana
- **Yang Berusaha Encik Amir Hamdan**
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Prasarana
Malaysia Berhad
- Ketua-ketua Setiausaha, Ketua Pengarah, rakan-rakan dan
rakan media sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

[PENGENALAN]

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, atas kesudian meluangkan masa untuk menyempurnakan majlis majlis peluncuran Laluan Shah Alam pada pagi ini.
2. Sesungguhnya, hari ini merupakan satu detik yang amat bermakna, bukan sahaja kepada Kementerian Pengangkutan dan Prasarana, malah kepada semua pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang.
3. Pembukaan Laluan Shah Alam menandakan satu lagi usaha kerajaan memperluas jaringan pengangkutan awam yang moden, bersepadu dan bertaraf dunia.
4. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan atas komitmen tinggi semua pihak dalam memastikan projek ini disiapkan mengikut piawaian keselamatan dan kualiti yang ditetapkan.

[MOBILITI UNTUK RAKYAT]

Hadirin Yang Saya Kasihi,

5. Pembukaan Laluan Shah Alam melengkapkan satu lagi rangkaian pengangkutan rel moden yang menghubungkan kawasan kediaman, pusat komersial, institusi pendidikan, hospital dan kawasan perindustrian di barat Lembah Klang.
6. Laluan ini bukan sahaja meningkatkan tahap keterhubungan, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi, pembangunan bandar yang lebih mampan serta meningkatkan akses rakyat kepada peluang pekerjaan dan perkhidmatan.
7. Projek Laluan Shah Alam yang melibatkan pelaburan sebanyak RM16.63 bilion merupakan antara pelaburan strategik kerajaan dalam memperkukuh infrastruktur pengangkutan awam negara.
8. Dengan pembukaan Laluan Shah Alam, rakyat kini mempunyai satu lagi pilihan mobiliti yang lebih selesa dan boleh dipercayai untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain..
9. Kemudahan ini bukan Sahaja menjimatkan kos perbelanjaan harian, malah meningkatkan ketersambungan dan produktiviti harian rakyat.

10. Bagi memastikan pengalaman perjalanan yang lebih lancar, Laluan Shah Alam ini turut disokong oleh rangkaian bas perantara serta perkhidmatan van Rapid KL On-Demand.
11. Integrasi ini amat penting dalam melengkapkan ekosistem *First Mile, Last Mile*, sekali gus membolehkan pengguna menikmati perjalanan yang lebih bersepadu, mudah dan cekap dari titik permulaan hingga ke destinasi akhir.

[PENUTUP]

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha menyiapkan projek LRT Laluan Shah Alam ini, khususnya Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), pihak berkuasa tempatan, serta semua rakan strategik yang telah memainkan peranan penting dalam memastikan laluan baharu ini dapat beroperasi dengan lancar, selamat dan bersedia untuk dimanfaatkan oleh rakyat.
13. Saya berharap pembukaan Laluan Shah Alam ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan penggunaan pengangkutan awam di negara ini.

14. Lebih penting daripada itu, saya berharap pelaburan ini akan terus memberikan manfaat yang besar kepada rakyat, merangsang pertumbuhan ekonomi serta menyokong pembangunan bandar yang lebih mampan demi kemakmuran negara.

Sekian. Terima Kasih.